



**SUMBANGAN:** Ribin (kiri) menyampaikan sumbangan buah-buahan segar kepada Taufiq (kanan).

## **FAMA sumbangkan buah-buahan segar kepada PPVIPT UMS**

Oleh Siti Aisyah Narudin  
UB 18.06.2021 P. 03

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan buah-buahan segar daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sabah melalui Program Penyerahan Sumbangan MAFI Prihatin.

Pengarah FAMA Negeri Sabah Ribin Wahid menyampaikan sumbangan berkenaan kepada Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin di Pusat Pemberian Vaksinasi Institusi Pendidikan

Tinggi (PPVIPT) UMS di sini Selasa lepas.

Ribin berkata, sumbangan buah-buahan segar itu untuk diagihkan kepada barisan doktor, jururawat serta petugas yang bertungkus-lumus dalam memastikan pemberian vaksin berjalan dengan lancar di PPVIPT UMS.

Katanya, ia juga sebagai tanda keprihatinan FAMA terhadap para petugas barisan hadapan di PPVIPT UMS.

“Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan kempen lebihkan makan buah-buahan dan sayuran tempatan bagi meningkatkan imunisasi badan dan sumber vitamin yang

diperlukan untuk melawan penyakit,” jelasnya.

Sementara itu, Taufiq berkata, UMS amat berbesar hati dan merakamkan penghargaan kepada pihak FAMA sempena sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas-petugas yang terlibat dalam operasi PPVIPT UMS.

“Sumbangan ini mampu memberi semangat kepada petugas-petugas di PPV UMS untuk memberi perkhidmatan yang terbaik. Semoga hubungan UMS dan FAMA akan terus erat,” katanya.

Turut hadir, Pengarah Hospital UMS (HUMS) Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang.